

**Najib Dibenarkan Keluar Hospital
Bernama
August 03, 2011**

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada Rabu dibenarkan pulang selepas menjalani pembedahan lutut kirinya, yang cedera akibat bersukan, di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini.

Najib, diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor, meninggalkan pekarangan hospital kira-kira pukul 12.30 tengah hari.

Perdana Menteri pada Isnin lepas menjalani pembedahan lutut kirinya melalui pembedahan "arthoscopic".

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=605691>